



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (28) dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : - 8 JUN 2004

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN DAN PERSATUAN BERKAITAN

Tuan,

Perkara: Lanjutan Tempoh Masa Untuk Memasarkan Keluaran-Keluaran Kosmetik 'Sedia Ada'.

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 159 yang telah diadakan pada 27hb. Mei 2004 mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD dalam mesyuaratnya kali ke 159 telah memutuskan bahawa:
 - 2.1 Tempoh pemasaran keluaran-keluaran kosmetik 'Sedia ada' yang telah mengemukakan permohonan pendaftaran sebelum 31hb. Januari 2004 **DILANJUTKAN** kepada **31hb. Disember 2004**.
 - 2.2 Sila juga ambil maklum bahawa menjelang **1hb. Januari 2005**, semua keluaran-keluaran kosmetik yang berada di pasaran, **PERLU** mematuhi keperluan pelabelan seperti yang telah ditetapkan di dalam Garispanduan Pendaftaran Kosmetik.
3. Sehubungan dengan ini, para pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" UTAMAKAN KUALITI , EFIKASI , DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BT. A. RAHMAN)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- S.K.
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM
 2. Ketua Bahagian POTM, BPFK
 3. Cosmetic, Toiletries and Fragrance Association of Malaysia (CTFA)
 4. FMM Malaysian Cosmetics and Toiletries Industry Group (FMM-MCTIG)
 5. PhAMA
 6. MOPI
 7. Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)